



# Pemimpin kanan Kesumba UMS kunjungi pengarah UMSKAL

UB 12-5-2015 BT

LABUAN: Empat pemimpin kanan Kelab Suri dan Staf Wanita (Kesumba) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya kelmarin.

Kunjungan hormat

**MURNIZAM** mengadakan perbincangan dengan Norti (2 kiri) diperhatikan Hayati (berdiri kanan) di pejabat pengarah UMSKAL kelmarin.

itu diketuai Setiausaha Kehormat Kesumba Norti Sirin yang mewakili Yang Dipertuanya Datin Baidah Ibrahim.

Turut hadir, Ketua Biro Ekonomi dan Kepenggunaan Kesumba Siti Aisya Rainawaty Abd Rashid, Ketua Biro Penerangan dan Perhubungan Hayati Salleh Baihaki, Ketua Puteri Kesumba Nurul Izza Nordin dan Setiausaha Kesumba UMSKAL Norhanizah Adnan.

Menurut Norti, kunjungan hormat itu adalah untuk membincangkan aktiviti

dan program serta mempromosikan Kelab Kesumba dan Puteri Kesumba kepada kakitangan di Kampus Labuan.

Katanya, mereka turut membincangkan pengurusan Kesumba KAL baharu yang bakal diketuai Hayati Salleh Baihaki.

“Kami berharap lebih ramai kakitangan UMSKAL akan menjadi ahli Kesumba sekali gus mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara ahli di Kota Kinabalu dan Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Sementara itu, Murnizam berharap kakitangan UMSKAL akan menjadi ahli kelab itu bukan sahaja untuk mengikuti pelbagai program tetapi juga menimba ilmu dan pengalaman melalui aktiviti yang diadakan pada sepanjang tahun.

Sementara itu, Kesumba akan mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-17 2015 pada 12 Jun depan di Galeri Canselori UMS Kota Kinabalu yang bakal dirasmikan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bermula jam 8.30 pagi.